

NOR AMIRAH BINTI NORJAINI (136417)

REFLEKSI DIRI (PENGALAMAN)

Assalamualikum dan salam sejahtera. Saya merupakan pelajar tahun 3 dari Pusat pengajian Ilmu Pendidikan. Saya mengambil subjek geografi sebagai major dan sejarah sebagai minor. Saya merupakan ahli dalam Persatuan Kor Suksis Universiti Sains Malaysia. Penulisan ini berkaitan dengan pengalaman dan pengajaran yang dipelajari sepanjang menjadi penuntut di USM. Baiklah, sebelum memulakan penulisan yang agak panjang ini saya ingin memperkenalkan diri dengan ringkas sahaja. Nama saya Nor amirah binti Norjaini, berumur 23 tahun dan berasal daripada Sabah. Nama ibu saya Noorzianah binti Abd Hamid, beliau hanyalah seorang suri rumah. Manakala, Bapa saya bernama Norjaini bin Jamial dan bekerja sebagai seorang nelayan.

Setiap cerita pasti bermula pada satu titik yang sukar. Perjalanan hidup saya untuk berada di USM sangat mencabar. Saya akan menulis pengalaman yang saya tidak boleh lupakan sehingga ke hari ini. Baiklah, selepas saya menamatkan pengajian tingkatan 6 di SMK Arshad, Kota Belud saya telah membuat kerja sambilan untuk menyimpan duit simpanan. Hal ini demikian kerana, semasa mengisi UPU iaitu sistem permohonan online untuk kemasukan ke universiti, saya sememangnya telah pun memilih USM sebagai pilihan pertama saya. Namun, wang gaji saya telah gunakan untuk masalah masalah keluarga. Saya telah memohon biasiswa kerajaan negeri namun gagal. Saya agak kecewa kerana saya merupakan seorang pelajar yang cemerlang di negeri Sabah pada waktu itu. Terdapat banyak cabaran yang saya hadapi untuk mengurus biasiswa tersebut.

Saya telah melakukan perjalanan ke Pulau Pinang secara solo dengan berbekalkan wang RM300 tunai dan RM1500 wang PTPTN. Menjelang hari pendaftaran ke USM iaitu pada 03

September 2017, saya telah bergerak ke Usm bersama abang sepupu saya. Sayu rasa hati apabila melihat rakan lain datang ke Usm bersama ibu bapa mereka. Tetapi saya kuatkan semangat. Agak lama saya *adapt* dengan suasana di Pulau Pinang. Mungkin tidak biasa dengan perubahan cuaca. Saya membawa bersama telefon bimbit yang sudah rosak dan tidak mempunyai komputer riba. Saya menangis kerana saya tidak dapat membuat tugas secara bercetak. Tapi hal tersebut tidak melemahkan saya. Saya masih boleh membuat tugas secara bertulis. Agak lama biasiswa saya lulus dan sepanjang itulah saya mengalami kesukaran membuat tugas. Bahkan saya juga mencatu makanan. Semasa saya dalam semester pertama saya telah membuat ramai kawan. Kerana pada pendapat saya, kawan boleh membantu untuk memberikan saya semangat. Namun, dalam 10 orang yang baik pasti ada 2 orang yang tidak baik. Dan saya tidak bernasib baik. Luka saya pulihkan sendiri dan saya tidak menyimpan dendam. Saya mengambil iktibar dan lebih berhati-hati di masa hadapan.

Kekurangan wang adalah perkara biasa bagi seorang pelajar. Saya berfikir untuk mencari pendapatan sampingan. Saya merupakan seorang anak sulung, saya tidak bercadang untuk meminta kiriman wang daripada ibu bapa. Oleh itu, saya berusaha keras untuk diterima masuk ke dalam Suksis. Tambahan pula, pelajar Pendidikan wajib untuk mengikuti kursus kokurikulum. Atas sokongan ibu bapa dan rakan, saya diterima masuk. Terdapat banyak pengalaman yang saya perolehi sepanjang saya menjadi ahli suksis. Saya telah belajar erti kekuatan mental dan fizikal. Suksis juga memupuk nilai-nilai kerjasama dan bertoleransi dalam seberang keputusan yang dibuat. Selain itu, Suksis juga mementingkan elemen jati diri. Saya bersyukur kerana telah terpilih dalam Suksis. Hal ini kerana, saya telah berpindah desasiswa menyebabkan saya jauh daripada rakan-rakan yang berada di desasiswa lama.

Pada tahun kedua, saya telah menemukan kembali diri saya yang hilang. Keyakinan diri saya juga semakin meningkat. saya lebih memahami semua subjek dan kursus yang saya pelajari. Pada tahun kedua saya telah mengambil kursus penghantar. Saya meletakkan usaha

saya untuk subjek yang akan menjadi major saya. Alhamdulilah saya berjaya mendapatkan subjek geografi sebagai major. Di sini juga bermulanya saya mengulang pelajaran dalam tempoh yang singkat “Last Minute. Keadaan yang sangat stress dan juga mencabar. Pernah pada suatu hari sewaktu peperiksaan saya kehabisan dakwat pen selama 30 minit. Dalam keadaan yang stress saya berjaya menyiapkan jawapan kerana bantuan daripada rakan. Saya juga mengalami kesan akibat belajar pada masa akhir iaitu saya mengantuk yang tak tertahan semasa saya menjawab soalan. Pengalaman yang saya tidak boleh lupakan iaitu menjawab dalam keadaan mengantuk.

Melalui program 3K yang diajurnurkan oleh USM, saya juga memperolehi pelbagai pengalaman luar daripada silibus. Sebagai contoh, melalui aktiviti bersama komuniti, saya mempelajari banyak nilai-nilai murni. Selain itu, saya juga dapat memupuk nilai kepimpinan dalam diri saya. Dengan mengendalikan program juga saya dapat pendedahan bagaimana alam pekerjaan yang sebenar. Pada bulan Jan 2020, saya telah menyertai satu program khidmat bakti bersama penduduk di sana. Aktiviti ini memberikan pengalaman yang sangat berharga kepada saya. Saya juga pernah menyertai aktiviti perkhemahan di dalam hutan. Semua pengalaman ini memberikan saya kekuatan untuk menghabiskan degree saya.

Saya mula mengecilkan ruang sosial saya pada tahun ketiga. Saya mula percaya bahawa rakan yang memberikan pengaruh negatif kepada saya perlu di jauhi. Dalam masa yang sama, saya juga berjumpa dengan rakan yang sangat banyak membantu saya dalam apa jua masalah yang saya hadapi. Saya bersyukur pada akhir perjuangan saya, saya dikelilingi oleh rakan yang sangat memahami keadaan dan situasi saya. Saya sangat berterima kasih kepada mereka kerana banyak menyokong saya. Tidak dilupakan juga kepada keluarga tercinta saya. Saya mempunyai banyak perancangan sepanjang tahun 3. Namun demikian, pada awal bulan Mac 2020, satu wabak iaitu Covid19 telah melanda negara dan seluruh dunia menyebabkan banyak perancangan tergendala. Setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Sehingga ke hari ini, semua

aktiviti yang melibatkan perhimpunan ramai telah pun dibatalkan termasuklah kelas bersekemuka. Pengalaman manis yang dialami sepanjang menuntut ilmu di Universiti Sains Malaysia, pastinya tidak akan dilupakan kehingga ke hari tua.